



31 Disember 2024
31 December 2024
P.U. (A) 476

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PENYELESAIAN PERTIKAIAN) (PINDAAN) 2024

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (DISPUTE RESOLUTION) (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PENYELESAIAN PERTIKAIAN) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 378(1) dan subseksyen 379(5) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penyelesaian Pertikaian) 2010 [*P.U. (A) 437/2010*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “Akta” takrif yang berikut:

‘ “adjudikator” ertinya seseorang individu yang dilantik oleh suatu pertubuhan perbadanan diluluskan untuk mengendalikan proses penyelesaian apa-apa pertikaian atau tuntutan yang dirujuk kepada pertubuhan perbadanan diluluskan;’

(b) dalam takrif “kaedah-kaedah”, dengan menggantikan perkataan “memorandum persatuan, artikel persatuan dan terma rujukan suatu pertubuhan perbadanan diluluskan, atau” dengan perkataan “dokumen konstituen,”;

(c) dalam takrif “pertikaian”, dengan menggantikan perkataan “terma rujukan” dengan perkataan “kaedah-kaedah”; dan

(d) dengan memotong takrif “terma rujukan”.

Penggantian peraturan 3

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 3 dengan peraturan yang berikut:

“Pertubuhan perbadanan diluluskan

3. (1) Suruhanjaya boleh meluluskan suatu pertubuhan perbadanan untuk menjadi suatu pertubuhan perbadanan diluluskan di bawah subseksyen 379(1) Akta jika—

- (a) pertubuhan perbadanan itu berkeupayaan untuk bertindak sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian dengan menerima suatu rujukan berhubung dengan apa-apa pertikaian atau tuntutan dan menyelesaikan pertikaian atau tuntutan yang dirujuk itu secara berkesan mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahaksesan, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan;
- (b) pertubuhan perbadanan itu mempunyai sumber kewangan, tenaga kerja dan sumber lain yang mencukupi untuk menjalankan fungsi dan kewajipannya sebagaimana yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini;
- (c) lembaga pengarah pertubuhan perbadanan itu terdiri daripada orang yang memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang disebut dalam Jadual 3;
- (d) rangka kerja tadbir urus pertubuhan perbadanan itu diperuntukkan secara bertulis, termasuk—

- (i) perkiraan organisasi yang memperuntukkan mengenai pengasingan tugas dan kawalan dalaman bagi memastikan kebebasan pertubuhan perbadanan itu dan mengurangkan risiko salah tadbir urus atau amalan salah; dan
 - (ii) kod amalan yang berhubungan dengan pelakuan pegawai pertubuhan perbadanan itu;
- (e) pertubuhan perbadanan itu telah siap mengadakan kaedah-kaedah dan tatacara yang membolehkannya melaksanakan fungsi dan kewajipannya sebagai suatu badan penyelesaian pertikaian; dan
- (f) pertubuhan perbadanan itu berkeupayaan untuk mengambil tindakan yang sesuai terhadap anggotanya bagi apa-apa pelanggaran kaedah-kaedah dan tatacaranya.

(2) Suruhanjaya boleh, dalam memberikan kelulusan kepada suatu pertubuhan perbadanan di bawah subseksyen 379(1) Akta, mengenakan apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(3) Suruhanjaya boleh menolak suatu permohonan bagi mendapatkan kelulusan daripada suatu pertubuhan perbadanan tanpa memberikan apa-apa alasan bagi penolakan itu.

(4) Suruhanjaya hendaklah, dengan seberapa segera yang mungkin selepas memberikan kelulusan kepada suatu pertubuhan perbadanan di bawah subseksyen 379(1) Akta, memaklumkan nama pertubuhan perbadanan diluluskan itu dan tarikh permulaan operasinya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Suruhanjaya.”.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “**pemberian**” dengan perkataan “**mendapatkan**”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “pemberian” dengan perkataan “mendapatkan”;
- (c) dalam subperaturan (3), dengan menggantikan perkataan “pemberian” dengan perkataan “mendapatkan”; dan
- (d) dengan memotong subperaturan (4) dan (5).

Pindaan peraturan 5

5. Peraturan 5 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subperaturan (1); dan
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(4) Mana-mana orang yang menjadi anggota di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah, pada setiap masa, mematuhi terma keanggotaan pertubuhan perbadanan diluluskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam kaedah-kaedahnya.”.

Penggantian peraturan 6

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan yang berikut:

“Kaedah-kaedah pertubuhan perbadanan diluluskan

6. (1) Pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah menyiarkan kaedah-kaedahnya dan apa-apa pindaan yang dibuat kepada kaedah-kaedah itu di laman sesawang pertubuhan perbadanan diluluskan itu.

(2) Kaedah-kaedah yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah termasuk perkara yang berikut:

- (a) ruang lingkup dan kategori klien yang layak untuk merujuk suatu pertikaian atau tuntutan kepada pertubuhan perbadanan diluluskan;
- (b) tatacara keanggotaan dan hal keadaan apabila seseorang anggota boleh dipecat atau digantung;
- (c) jenis pertikaian atau tuntutan yang layak untuk dirujuk kepada pertubuhan perbadanan diluluskan;
- (d) tatacara, bentuk dan cara, dan tempoh masa yang dalamnya sesuatu pertikaian atau tuntutan itu boleh dirujuk kepada pertubuhan perbadanan diluluskan;
- (e) fi langganan, levi dan fi atau bayaran lain yang kena dibayar oleh anggotanya, atau oleh mana-mana kelas anggotanya atau oleh mana-mana orang yang disebut dalam subperaturan 8(3) dan levi yang berlainan boleh terpakai bagi anggota yang berlainan kelas atau orang yang disebut dalam subperaturan 8(3) yang berlainan kelas;
- (f) fi yang kena dibayar oleh klien kepada pertubuhan perbadanan diluluskan;
- (g) hal keadaan yang sesuatu pertikaian atau tuntutan boleh enggan diterima atau ditolak oleh pertubuhan perbadanan

diluluskan tanpa merujuk pertikaian atau tuntutan itu bagi pengantaraan atau penghukuman;

- (h) hal keadaan yang sesuatu pertikaian atau tuntutan akan dibuat pengantaraan atau penghukuman;
- (i) jenis award yang boleh dibuat berkenaan dengan suatu pertikaian atau tuntutan;
- (j) cara keputusan penghukuman suatu pertikaian atau tuntutan boleh diberitahu kepada klien, anggota yang relevan dan orang yang disebut dalam subperaturan 8(3); dan
- (k) tatacara bagi memastikan klien yang layak dan anggota mematuhi pada setiap masa kewajipan kerahsiaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 15.”.

Pindaan peraturan 7

7. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “**Penarikan balik**” perkataan “**atau penggantungan**”;
- (b) dengan menomborkan semula subperaturan 7(1) sebagai peraturan 7;
- (c) dalam subperaturan 7 yang dinomborkan semula itu—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “menarik balik” perkataan “atau menggantung”;

- (ii) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan “subperaturan 4(4)” dengan perkataan “subperaturan 3(2)”;
- (iii) dalam perenggan (h), dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan itu;
- (iv) dalam perenggan (i)—
 - (A) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan “PeraturanPeraturan” dengan perkataan “Peraturan-Peraturan”; dan
 - (B) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (v) dengan memasukkan selepas perenggan (i) perenggan yang berikut:

“(j) Suruhanjaya berpendapat bahawa—

- (i) pertubuhan perbadanan diluluskan tidak bertindak secara jujur; atau
- (ii) pertubuhan perbadanan diluluskan dikendalikan dengan cara yang, atau yang berkemungkinan akan, bertentangan dengan kepentingan awam atau tidak selaras dengan kaedah-kaedahnya.”.

Pindaan peraturan 8

8. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “dengan cara yang terbuka, efisien dan berkesan, berdasarkan prinsip adil dan kemunasabahan” dengan perkataan “mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahan akses, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan”; dan
- (b) dalam perenggan (2)(a), dengan menggantikan perkataan “yang diperuntukkan di bawah subperaturan (1)” dengan perkataan “dan fungsinya secara berkesan di bawah mana-mana peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini atau kaedah-kaedahnya.”.

Pindaan peraturan 9

9. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “**list members**” dengan perkataan “**list of members**”;
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan “melaporkan” dengan perkataan “mengemukakan kepada Suruhanjaya laporan”; dan
- (c) dengan menggantikan subperaturan (3) dengan subperaturan yang berikut:

“(3) Pertubuhan perbadanan diluluskan itu hendaklah—

- (a) menyenggara suatu senarai anggota-anggotanya dan menyiarkan senarai itu di laman sesawangnya;
- (b) menyiarkan maklumat mengenai perkhidmatan penyelesaian pertikaian yang disediakan secara berkala di laman sesawangnya bagi mewujudkan kesedaran awam; dan

- (c) menyediakan apa-apa dokumen atau maklumat lain dalam apa-apa bentuk atau cara sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Penggantian peraturan 11

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 11 dengan peraturan yang berikut:

“Pelantikan ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan

11. (1) Pertubuhan perbadanan diluluskan tidak boleh melantik mana-mana orang sebagai ahli lembaga pengarahnya melainkan—

- (a) suatu kelulusan bertulis daripada Suruhanjaya telah diperoleh; dan
- (b) orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(2) Seseorang ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah, pada setiap masa, memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(3) Pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah dengan serta-merta menamatkan pelantikan mana-mana ahli lembaga pengarah yang tidak lagi memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3.

(4) Jika suatu persoalan berbangkit sama ada seseorang ahli lembaga pengarah memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3, Suruhanjaya hendaklah mempunyai budi bicara penuh untuk memutuskan perkara itu.”.

Peraturan baharu 11A dan 11B

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 11 peraturan yang berikut:

“Komposisi lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan

11A. (1) Lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada tujuh orang ahli tetapi tidak lebih daripada sebelas orang ahli pada setiap masa, setara dengan jenis dan ruang lingkup pengendalian pertubuhan perbadanan diluluskan.

(2) Pengerusi lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah dipilih oleh ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan dalam kalangan mereka sendiri.

(3) Pengerusi dan majoriti ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah—

(a) bukan dalam pekerjaan atau perkhidmatan yang aktif, atau memegang apa-apa jawatan dalam mana-mana anggota; dan

(b) tidak mempunyai apa-apa kepentingan ketara dalam mana-mana anggota.

Tanggungjawab lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan

11B. (1) Lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah bertanggungjawab bagi pengurusan dan pengawasan pengendalian pertubuhan perbadanan diluluskan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (1), tanggungjawab lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah termasuk—

- (a)* memastikan bahawa hala tuju strategik, polisi dan objektif pertubuhan perbadanan diluluskan adalah selaras dengan kaedah-kaedahnya;
- (b)* mengawasi tatacara dalaman bagi memastikan pertubuhan perbadanan diluluskan dikendalikan mengikut prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kemudahan akses, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan;
- (c)* memastikan bahawa kedudukan kewangan pertubuhan perbadanan diluluskan adalah kukuh dengan menyelia suatu strategi pendanaan yang wajar dan meluluskan bajet;
- (d)* memastikan kecukupan sumber dan infrastruktur yang kompeten bagi membolehkan pengendalian pertubuhan perbadanan diluluskan lancar dan berkesan;
- (e)* menyemak kecekapan dan keberkesanan pertubuhan perbadanan diluluskan;
- (f)* memastikan pengendalian pertubuhan perbadanan diluluskan adalah mematuhi Akta dan Peraturan-Peraturan ini; dan
- (g)* menyediakan tatacara bagi mengenal pasti dan mempertimbangkan perkara yang boleh bersifat sistemik bagi maksud perenggan 8(2)(b).

(3) Lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah pada setiap masa bertindak demi kepentingan terbaik pertubuhan perbadanan diluluskan.

(4) Lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan tidak boleh terlibat dalam pengendalian apa-apa pertikaian termasuk dalam membuat keputusan bagi pertikaian itu.”.

Pindaan peraturan 13

12. Peraturan 13 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota bahu dengan nota bahu yang berikut:

“Award”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Award yang diberikan oleh adjudikator boleh termasuk perkara yang berikut:

(a) suatu award wang sehingga dua ratus lima puluh ribu ringgit sebagaimana yang difikirkan adil dan munasabah oleh adjudikator sebagai suatu pampasan bagi apa-apa kerugian yang dialami oleh seseorang klien;

(b) suatu arahan yang menghendaki seseorang anggota untuk mengambil langkah tertentu berhubung dengan suatu pertikaian atau tuntutan sebagaimana yang difikirkan patut oleh adjudikator;

(c) suatu arahan yang menghendaki seseorang anggota untuk membayar balik kos sebenar yang ditanggung oleh klien yang layak berhubung dengan suatu pertikaian, tertakluk kepada had sebagaimana yang dinyatakan dalam

kaedah-kaedah pertubuhan perbadanan
diluluskan; atau

(d) apa-apa perkara lain sebagaimana yang diputuskan
oleh seorang adjudikator tertakluk kepada
kaedah-kaedah pertubuhan perbadanan
diluluskan.”; dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (4) subperaturan yang berikut:

“(5) Suatu pertikaian yang melibatkan tuntutan wang yang
melebihi jumlah maksimum dua ratus lima puluh ribu ringgit boleh
dirujuk kepada pertubuhan perbadanan diluluskan jika klien yang
layak dan anggota yang terlibat dalam pertikaian itu bersetuju—

(a) untuk merujuk pertikaian itu kepada pertubuhan
perbadanan diluluskan; dan

(b) bahawa award wang boleh melebihi jumlah
maksimum dua ratus lima puluh ribu ringgit.”.

Pindaan peraturan 13A

13. Subperaturan 13A(2) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “subperaturan 8(3)” perkataan “, termasuk kegagalan untuk membayar apa-apa fi atau caj yang kena dibayar di bawah kaedah-kaedah”.

Pindaan peraturan 14

14. Peraturan 14 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Bagi maksud subperaturan (1), pendedahan apa-apa dokumen
atau maklumat yang bersifat rahsia kepada badan penyelesaian pertikaian
atau badan lain adalah tertakluk kepada peraturan 15.”.

Peraturan baharu 16

15. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 15 peraturan yang berikut:

“Semakan bebas terhadap pertubuhan perbadanan diluluskan

16. (1) Pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah melantik suatu pihak bebas yang mempunyai kepakaran yang berkaitan untuk menjalankan suatu semakan bebas terhadap pertubuhan perbadanan diluluskan, yang hendaklah termasuk suatu penilaian kualitatif dan kuantitatif terhadap prestasi pertubuhan perbadanan diluluskan, tiga tahun dari tarikh permulaan operasinya dan kemudiannya, sekurang-kurangnya sekali dalam setiap lima tahun.

(2) Pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah berunding dengan Suruhanjaya mengenai ruang lingkup semakan bebas dan terma pelantikan penyemak bebas.

(3) Pertubuhan perbadanan diluluskan hendaklah—

(a) bekerjasama dengan penyemak bebas dan memberikan akses kepada semua dokumen dan maklumat yang diminta; dan

(b) menanggung kos dan perbelanjaan bagi semakan bebas itu.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), Suruhanjaya boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya suatu semakan bebas dijalankan atau mengarahkan supaya ruang lingkup semakan bebas itu diperluas.”.

Pemotongan Jadual 1

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual 1.

Jadual baharu 3

17. Peraturan-Peraturan itu dipinda dengan memasukkan selepas Jadual 2 jadual yang berikut:

“JADUAL 3
[Perenggan 3(1)(c) dan peraturan 11]

Kriteria layak dan sesuai

Dalam menilai kelayakan dan kesesuaian seseorang sebagai ahli lembaga pengarah pertubuhan perbadanan diluluskan, kriteria yang berikut hendaklah dipertimbangkan secara individu dan kolektif, dengan mengambil kira kepentingan relatif masing-masing:

1. Kejujuran, integriti dan reputasi
 - (a) sama ada orang itu sedang atau pernah tertakluk kepada apa-apa prosiding yang bersifat disiplin atau jenayah, atau telah diberitahu tentang apa-apa penyiasatan yang dijangka akan dibuat yang mungkin akan membawa kepada prosiding itu;
 - (b) sama ada orang itu pernah melanggar mana-mana peruntukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang bertujuan untuk melindungi orang awam daripada kerugian kewangan yang disebabkan oleh ketidakjujuran, ketidakcekapan atau amalan salah;
 - (c) sama ada orang itu pernah melanggar mana-mana kehendak, standard atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Kerajaan, suatu pihak berkuasa pengawalseliaan atau badan profesional;
 - (d) sama ada orang itu atau apa-apa perniagaan yang dia mempunyai kepentingan mengawal atau pengaruh yang ketara, pernah disiasat, tertakluk kepada apa-apa prosiding, didisiplinkan, digantung atau dicela oleh suatu pihak berkuasa pengawalseliaan, badan profesional, mahkamah

atau tribunal, sama ada secara terbuka atau secara peribadi, termasuk permulaan apa-apa tindakan penguatkuasaan;

- (e) sama ada orang itu pernah terlibat dalam apa-apa amalan perniagaan yang memperdaya, menindas atau tidak wajar (sama ada menyalahi undang-undang atau tidak), atau mencemarkan pelakuan profesionalnya;
- (f) sama ada orang itu pernah dibuang kerja, diminta untuk meletak jawatan atau telah meletak jawatan daripada pekerjaan atau daripada suatu jawatan beramanah, pelantikan fidusiari atau jawatan yang serupa disebabkan kejujuran dan integritinya dipersoalkan;
- (g) sama ada orang itu pernah dikaitkan, atas kapasiti pemunyaan atau pengurusan, dengan suatu syarikat, perkongsian atau persatuan perniagaan lain yang telah ditolak pendaftaran, kebenaran, keanggotaan atau lesen untuk menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion, atau yang pendaftaran, kebenaran, keanggotaan atau lesen untuk menjalankan apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (h) sama ada orang itu pernah memegang suatu jawatan yang dipertanggungjawabkan dengan pengurusan suatu perniagaan yang, semasa tempoh jawatannya, diletakkan di bawah penerimaan, insolvensi atau likuidasi tidak sukarela;
- (i) sama ada orang itu pernah menjadi pengarah atau terlibat secara langsung dalam pengurusan apa-apa perbadanan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang sedang atau telah digulung;
- (j) sama ada orang itu pernah menjadi pengarah atau terlibat secara langsung dalam pengurusan mana-mana entiti yang dilesenkan, didaftarkan atau

diluluskan selainnya di bawah Akta yang lesen, pendaftaran atau kelulusannya telah dibatalkan;

- (k) sama ada orang itu pernah bertindak secara tidak adil atau tidak jujur dalam urusannya dengan pelanggan, majikan, juruaudit atau pihak berkuasa pengawalseliaan;
- (l) sama ada orang itu pernah, pada bila-bila masa, menunjukkan bantahan keras atau keengganan untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang menyebabkan berlakunya kegagalan atau kemungkinan berlakunya kegagalan untuk mematuhi kehendak atau standard undang-undang, pengawalseliaan atau profesional;
- (m) sama ada orang itu pernah menyumbang secara ketara kepada kegagalan suatu organisasi atau unit perniagaan;
- (n) sama ada orang itu pernah, pada bila-bila masa, menunjukkan bantahan keras atau tiada kesediaan untuk menyenggara sistem kawalan dalaman dan amalan pengurusan risiko yang berkesan;
- (o) sama ada orang itu pernah terlibat dalam apa-apa perkara yang boleh secara material menimbulkan percanggahan kepentingan atau mengganggu pelaksanaan pertimbangannya apabila bertindak atas kapasiti seorang ahli lembaga pengarah;
- (p) sama ada orang itu pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keganasan; dan
- (q) sama ada orang itu pernah terlibat, dikaitkan dengan atau bertindak dengan cara yang mungkin mendatangkan keraguan tentang kelayakan, kecekapan dan kewajaran pertimbangannya.

2. Kecekapan dan kebolehan

- (a)* sama ada orang itu mempunyai kelayakan, kecekapan, latihan, kemahiran, pengalaman praktikal dan komitmen yang sesuai untuk memenuhi peranan dan tanggungjawab jawatan itu dengan berkesan;
- (b)* sama ada orang itu menitikberatkan amalan tadbir urus yang wajar, mempunyai pengalaman atau pengetahuan yang luas tentang produk dan perkhidmatan di pasaran modal, isu berkaitan dengan pelaburan termasuk perlindungan pelabur, dan berkebolehan untuk memberikan perspektif yang objektif tentang isu kepentingan pelabur dan awam;
- (c)* sama ada orang itu mempunyai prestasi terdahulu, kepakaran atau kecekapan yang memuaskan dalam jenis perniagaan yang dijalankan;
- (d)* sama ada orang itu mempunyai pengalaman dalam membuat keputusan strategik dan tadbir urus peringkat lembaga pengarah; dan
- (e)* sama ada orang itu mempunyai latar belakang dalam, atau pemahaman tentang, undang-undang, kewangan, pelaburan, audit dan perakaunan, polisi Kerajaan dan polisi awam.

3. Integriti kewangan

- (a)* sama ada orang itu berupaya untuk memenuhi obligasi kewangannya, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, apabila obligasi itu menjadi kena dibayar;
- (b)* sama ada orang itu pernah menjadi subjek hutang penghakiman yang belum ditunaikan, sama ada keseluruhan atau sebahagiannya, dan sama ada di dalam atau di luar Malaysia; dan

(c) sama ada orang itu telah diisytiharkan, dan belum dilepaskan sebagai, seorang bankrap.”.

Dibuat 30 Disember 2024

[GC(LR) CMS(DR)(A) (1)/296/2024; PN(PU2)662/JLD.15]

DATO' MOHAMMAD FAIZ BIN AZMI
Pengerusi
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Diluluskan 31 Disember 2024

[GC(LR) CMS(DR)(A) (1)/296/2024; PN(PU2)662/JLD.15]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Menteri Kewangan II

CAPITAL MARKETS AND SERVICES ACT 2007

CAPITAL MARKETS AND SERVICES (DISPUTE RESOLUTION) (AMENDMENT)
REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by subsection 378(1) and subsection 379(5) of the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671], the Commission, with the approval of the Minister, makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Capital Markets and Services (Dispute Resolution) (Amendment) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2025.

Amendment of regulation 2

2. The Capital Markets and Services (Dispute Resolution) Regulations 2010 [P.U. (A) 437/2010], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by inserting after the definition of “Act” the following definition:

‘ “adjudicator” means an individual appointed by an approved body corporate to conduct the process of settlement of any dispute or claim referred to the approved body corporate;’

(b) in the definition of “rules”, by substituting for the words “memorandum of association, the articles of association and the terms of reference of an approved body corporate, or” the words “constituent document,”;

(c) in the definition of “dispute”, by substituting for the words “terms of reference” the word “rules”; and

(d) by deleting the definition of “terms of reference”.

Substitution of regulation 3

3. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 3 the following regulation:

“Approved body corporate

3. (1) The Commission may approve a body corporate to be an approved body corporate under subsection 379(1) of the Act if—

- (a)* the body corporate is able to act as a dispute resolution body by receiving a reference in relation to any dispute or claim and resolve the dispute or claim that referred to effectively in accordance with the principles of independence, fairness and impartiality, accessibility, accountability, transparency and effectiveness;
- (b)* the body corporate has sufficient financial, human and other resources to carry out its functions and duties as provided in these Regulations;
- (c)* the board of directors of the body corporate consists of persons who fulfill the fit and proper criteria as referred to in Schedule 3;
- (d)* the governance framework of the body corporate is provided in writing, including—
 - (i)* organizational arrangements that provide for segregation of duties and internal control to ensure independence of the approved body corporate and minimize the risk of mismanagement or malpractice; and

(ii) code of practice relating to the conduct of officers of the body corporate;

(e) the body corporate has in place rules and procedures to enable it to perform its functions and duties as a dispute resolution body; and

(f) the body corporate is able to take appropriate action against its members for any breach of its rules and procedures.

(2) The Commission may, in granting an approval to a body corporate under subsection 379(1) of the Act, impose such conditions or restrictions as the Commission thinks fit.

(3) The Commission may refuse an application to obtain approval from a body corporate without giving any grounds for refusal.

(4) The Commission shall, as soon as possible after granting approval to a body corporate under subsection 379(1) of the Act, notify the name of the approved body corporate and the date of commencement of its operations in such manner as the Commission deems appropriate.”.

Amendment of regulation 4

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

(a) in the shoulder note, by substituting for the word “**granting**” the word “**obtaining**”;

(b) in subregulation (1), by substituting for the words “the grant of” the word “obtaining”;

(c) in subregulation (3), by substituting for the words “the grant of” the word “obtaining”; and

(d) by deleting subregulations (4) and (5).

Amendment of regulation 5

5. Regulation 5 of the principal Regulations is amended—

(a) by deleting subregulation (1); and

(b) by inserting after subregulation (3) the following subregulation:

“(4) Any person who becomes a member under these Regulations shall, at all times, comply with the terms of membership of the approved body corporate as provided in its rules.”.

Substitution of regulation 6

6. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 6 the following regulation:

“Rules of an approved body corporate

6. (1) The approved body corporate shall publish its rules and any amendment made to the rules on the approved body corporate’s website.

(2) The rules referred to in subregulation (1) shall include the following matters:

(a) the scope and category of clients who are eligible to refer a dispute or claim to the approved body corporate;

(b) the procedures for membership and the circumstances in which a member may be expelled or suspended;

- (c) the types of dispute or claim that are eligible for reference to the approved body corporate;
- (d) the procedures, form and manner, and the time period within which a dispute or claim may be referred to the approved body corporate;
- (e) the subscription fee, levy and other fee or payment payable by its members, or by any class of its members or by any person referred to in subregulation 8(3) and that different levies may apply to different class of members or different class of person referred to in subregulation 8(3);
- (f) fee payable by clients to the approved body corporate;
- (g) the circumstances in which a dispute or claim may be refused or dismissed by the approved body corporate without referring the dispute or claim for mediation or adjudication;
- (h) the circumstances in which a dispute or claim would be mediated or adjudicated;
- (i) the types of awards that may be made with respect to a dispute or claim;
- (j) the manner in which the decision of a dispute or claim may be notified to the client, the relevant member and the person referred to in subregulation 8(3); and
- (k) the procedures to ensure that the eligible client and the member comply at all times with the duty of confidentiality as provided under regulation 15.”.

Amendment of regulation 7

7. Regulation 7 of the principal Regulations is amended—

(a) in the shoulder note, by inserting after the word “**Withdrawal**” the words “**or suspension**”;

(b) by renumbering subregulation 7(1) as regulation 7;

(c) in the renumbered regulation 7—

(i) by inserting after the word “withdraw” the words “or suspend”;

(ii) in paragraph (c), by substituting for the words “subregulation 4(4)” the words “subregulation 3(2)”;

(iii) in paragraph (h), by deleting the word “or” at the end of the paragraph;

(iv) in paragraph (i)—

(A) in the national language text, by substituting for the words “PeraturanPeraturan” the words “Peraturan-Peraturan”; and

(B) by substituting for the full stop at the end of the paragraph the words “; or”; and

(v) by inserting after paragraph (i) the following paragraph:

“(j) the Commission is of the opinion that—

(i) the approved body corporate has not acted honestly; or

- (ii) the approved body corporate is operated in a manner that is, or is likely to be, contrary to public interest or inconsistent with its rules.”.

Amendment of regulation 8

8. Regulation 8 of the principal Regulations is amended—

- (a) in subregulation (1), by substituting for the words “in an accessible, efficient and effective manner, based on the principle of fair and reasonableness” the words “in accordance with the principles of independence, fairness and impartiality, accessibility, accountability, transparency and effectiveness”; and
- (b) in paragraph (2)(a), by substituting for the words “provided under subregulation (1)” the words “and functions effectively under any provision of the Act, these Regulations or its rules.”.

Amendment of regulation 9

9. Regulation 9 of the principal Regulations is amended—

- (a) in the shoulder note, in the English language text, by substituting for the words “**list members**” the words “**list of members**”;
- (b) in subregulation (1), by substituting for the word “report” the words “submit a report to the Commission of”; and
- (c) by substituting for subregulation (3) the following subregulation:

“(3) The approved body corporate shall—

- (a) maintain a list of its members and publish the list on its website;

- (b)* publish the information regarding the dispute resolution services provided periodically on its website for the purposes of public awareness; and
- (c)* provide any document or other information in such a form or manner as determined by the Commission.”.

Substitution of regulation 11

10. The principal Regulations are amended by substituting for regulation 11 the following regulation:

“Appointment of directors of an approved body corporate

11. (1) An approved corporate body shall not appoint any person as a member of its board of directors unless—

- (a)* a written approval from the Commission has been obtained; and
- (b)* such person fulfills the fit and proper criteria as specified in Schedule 3.

(2) A member of the board of directors of the approved body corporate shall, at all times, fulfill the fit and proper criteria as specified in Schedule 3.

(3) The approved body corporate shall immediately terminate the appointment of any member of the board of directors who no longer fulfills the fit and proper criteria as specified in Schedule 3.

(4) Where an issue arises whether a member of the board of directors fulfills the fit and proper criteria as specified in Schedule 3, the Commission shall have full discretion to determine the issue.”.

New regulations 11A and 11B

11. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 11 the following regulations:

“Composition of board of directors of approved body corporate

11A. (1) The board of directors of the approved body corporate shall consist of not less than seven members but not more than eleven members at all times, commensurate with the nature and scope of the operations of the approved body corporate.

(2) The chairman of the board of directors of the approved body corporate shall be elected by the board of directors of the approved body corporate from amongst themselves.

(3) The chairman and the majority of the members of the board of directors of the approved body corporate shall—

(a) not be under the active employment or service or hold any position in any member; and

(b) not have any significant interest in any member.

Responsibilities of board of directors of approved body corporate

11B. (1) The board of directors of an approved body corporate shall be responsible for the management and oversight of the operations of the approved body corporate.

(2) Without prejudice to the generality of subregulation (1), the responsibilities of the board of directors of the approved body corporate shall include—

- (a) ensuring that the strategic direction, policies and objectives of the approved body corporate are consistent with its rules;
- (b) overseeing the internal procedures to ensure that the approved body corporate is operated in accordance with the principles of independence, fairness and impartiality, accessibility, accountability, transparency and effectiveness;
- (c) ensuring that the approved body corporate is financially sound by supervising an appropriate funding strategy and approving the budget;
- (d) ensuring the sufficiency of competent resources and infrastructure to enable smooth and effective operations of the approved body corporate;
- (e) review the efficiency and effectiveness of the approved body corporate;
- (f) ensuring that the operations of the approved body corporate are in compliance with the Act and these Regulations; and
- (g) having in place procedures to identify and deliberate on matters which may be systemic in nature for the purposes of paragraph 8(2)(b).

(3) The board of directors of an approved body corporate shall at all times act in the best interests of the approved body corporate.

(4) The board of directors of the approved body corporate shall not be involved in the handling of any dispute including in making decisions on such disputes.”.

Amendment of regulation 13

12. Regulation 13 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for the shoulder note the following shoulder note:

“Award”;

(b) by inserting after subregulation (1) the following subregulation:

“(1A) The award granted by the adjudicator may include the following matters:

(a) a monetary award of up to two hundred and fifty thousand ringgit as deemed fair and reasonable by the adjudicator as a compensation for any loss suffered by a client;

(b) a direction that requires a member to take certain steps in relation to a dispute or claim as deemed appropriate by the adjudicator;

(c) a direction that requires a member to repay the actual cost incurred by the eligible client in relation to a dispute, subject to the limit as specified in the rules of the approved body corporate; or

(d) such other matters as determined by an adjudicator subject to the rules of the approved body corporate.”; and

(c) by inserting after subregulation (4) the following subregulation:

“(5) A dispute which involves a monetary claim exceeding the maximum amount of two hundred and fifty thousand ringgit may be referred to the approved body corporate if the eligible client and the member involved in the dispute agree—

(a) to refer such dispute to the approved body corporate; and

(b) that the monetary award may exceed the maximum amount of two hundred and fifty thousand ringgit.”.

Amendment of regulation 13A

13. Subregulation 13A(2) of the principal Regulations is amended by inserting after the words “subregulation 8(3)” the words “, including failure to pay any fee or charge payable under the rules”.

Amendment of regulation 14

14. Regulation 14 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) For the purposes of subregulation (1), the disclosure of any document or information of a confidential nature to other dispute resolution body or body is subject to regulation 15.”.

New regulation 16

15. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 15 the following regulation:

“Independent review of approved body corporate

16. (1) The approved body corporate shall appoint an independent party with the relevant expertise to conduct an independent review of the approved

body corporate, which shall include a qualitative and quantitative assessment of the performance of the approved body corporate, three years from the date of commencement of its operations and subsequently, at least once in every five years.

(2) The approved body corporate shall consult the Commission on the scope of the independent review and the terms of appointment of the independent reviewer.

(3) The approved body corporate shall—

(a) co-operate with the independent reviewer and afford access to all documents and information requested; and

(b) bear the costs and expenses of the independent review.

(4) Notwithstanding subregulation (1), the Commission may, at any time, direct that an independent review be carried out or direct that the scope of the independent review be extended.”.

Deletion of Schedule 1

16. The principal Regulations are amended by deleting Schedule 1.

New Schedule 3

17. The principal Regulations are amended by inserting after Schedule 2 the following schedule:

"SCHEDULE 3

[Paragraph 3(1)(c) and regulation 11]

Fit and proper criteria

In assessing the fitness and propriety of a person as a member of the board of directors of the approved body corporate, the following criteria shall be considered individually and collectively, taking into account their relative importance:

1. Probity, integrity and reputation

- (a) whether the person is or has been subjected to any proceedings of a disciplinary or criminal nature, or has been notified of any impending investigations which might lead to such proceedings;
- (b) whether the person has contravened any provision under any written law designed to protect members of the public against financial loss due to dishonesty, incompetence or malpractice;
- (c) whether the person has contravened any requirement, standard or any other directive issued by the Government, a regulatory authority or professional body;
- (d) whether the person or any business in which he has a controlling interest or significant influence, has been investigated, subjected to any proceedings, disciplined, suspended or reprimanded by a regulatory authority, professional body, court or tribunal, whether publicly or privately, including commencement of any enforcement action;
- (e) whether the person has engaged in any business practices which are deceitful, oppressive or improper (whether unlawful or not), or reflect discredit on his professional conduct;

- (f)* whether the person has been dismissed, asked to resign or has resigned from employment or from a position of trust, fiduciary appointment or similar position for the reason of his honesty and integrity being questioned;
- (g)* whether the person has been associated, in an ownership or management capacity, with a company, partnership or other business association that has been refused registration, authorization, membership or a licence to conduct any trade, business or profession, or has had the registration, authorization, membership or licence to conduct any trade, business or profession revoked, withdrawn or terminated, as the case may be;
- (h)* whether the person has held a position of responsibility in the management of a business which, during his tenure of office, is placed under receivership, insolvency or involuntary liquidation;
- (i)* whether the person has been a director or directly concerned in the management of any corporation, whether in or outside Malaysia, which is being or has been wound up;
- (j)* whether the person has been a director of or directly concerned in the management of any entity that is licensed, registered or otherwise approved under the Act whose licence, registration or approval has been revoked;
- (k)* whether the person has acted unfairly or dishonestly in his dealings with the clients, employer, auditors or regulatory authority;
- (l)* whether the person has, at any time, shown a strong objection or refused to co-operate with the regulatory authority resulting in the failure or potential failure to comply with legal, regulatory or professional requirements or standards;

- (m) whether the person has contributed significantly to the failure of an organization or a business unit;
- (n) whether the person has, at any time, shown a strong objection or a lack of willingness to maintain effective internal control systems and risk management practices;
- (o) whether the person has been involved in any matter which could materially pose a conflict of interest or interfere with the exercise of his judgment when acting in the capacity of a member of the board of directors;
- (p) whether the person has been convicted of any offence involving fraud, dishonesty or violence; and
- (q) whether the person has engaged, associated or conducted himself in a manner which may cast doubt on his fitness, competence and soundness of judgment.

2. Competency and capability

- (a) whether the person has appropriate qualification, competency, training, skills, practical experience and commitment to effectively fulfill the role and responsibilities of the position;
- (b) whether the person gives emphasis to sound governance practices, having broad experience in or knowledge of capital market products and services, investment related issues including investor protection, and is capable of providing an objective perspective on issues of investors and public interest;
- (c) whether the person has satisfactory past performance, expertise or competency in the nature of the business being carried out;

- (d) whether the person has experience in strategic decision-making and board-level governance; and
- (e) whether the person has background in, or an understanding of, law, finance, investment, audit and accountancy, Government policy and public policy.

3. Financial integrity

- (a) whether the person is able to fulfill his financial obligations, whether in or outside Malaysia, as and when the obligations fall due;
- (b) whether the person has been the subject of a judgment debt which is unsatisfied, either in whole or in part, and whether in or outside Malaysia; and
- (c) whether the person has been declared, and not discharged as, a bankrupt.”.

Made 30 December 2024

[GC(LR) CMS(DR)(A) (1)/296/2024; PN(PU2)662/JLD.15]

DATO' MOHAMMAD FAIZ BIN AZMI
Chairman
Securities Commission Malaysia

Approved 31 December 2024

[GC(LR) CMS(DR)(A) (1)/296/2024; PN(PU2)662/JLD.15]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN
Finance Minister II